

## Panduan Informasi Penamaan

Adalah penting untuk memastikan bahawa anda membuat penamaan bagi pelan takaful anda untuk melindungi kepentingan yang tersayang. Proses penamaan membantu memastikan bahawa tuntutan manfaat yang dibuat berjalan lancar tanpa kerumitan atau kelewatan, dan tanpa perlu mendapatkan Geran Probet\* atau Surat Kuasa Mentadbir\* kerana proses penyediaan dokumen ini adalah panjang dan mungkin memakan masa beberapa tahun.

### Apa itu penamaan?

Penamaan adalah proses menamakan seseorang di dalam sijil takaful oleh peserta sama ada untuk menerima dan/atau mentadbir manfaat takaful\* setelah kematian orang dilindungi. Peserta boleh menamakan beberapa orang sebagai penama\* dengan menyatakan peratusan tertentu di dalam borang penamaan. Penamaan tersebut haruslah disaksikan oleh orang yang berfikiran waras dan telah mencapai umur 18 tahun dan bukan penama itu sendiri.

### Siapakah yang boleh menjadi penama anda?

Anda boleh menamakan sesiapa sahaja untuk menjadi penama anda. Butiran di bawah adalah wajib:

- (a) Nama Penuh;
- (b) Tarikh lahir;
- (c) Nombor kad pengenalan atau nombor pasport atau nombor rujukan mana-mana dokumen rasmi lain daripada pelanggan atau pemilik berkepentingan;
- (d) Alamat tempat tinggal dan/atau surat menyurat; dan
- (e) Kewarganegaraan.

### Jenis penama:

Terdapat 2 jenis penama:

- (a) Waris\*

Waris ialah seorang individu yang dinamakan oleh anda untuk menerima manfaat takaful di bawah Hibah Bersyarat i.e. "Hadiah" berdasarkan peratusan tertentu yang dinyatakan di dalam Borang Penamaan.

- (b) Wasi\*

Wasi ialah seseorang yang dilantik oleh anda untuk menguruskan dan mengagihkan manfaat takaful kepada orang lain mengikut undang-undang yang berkenaan.

### Bagaimanakah saya boleh membuat penamaan?

Anda boleh membuat penamaan sama ada melalui portal pelanggan kami, HLMTakaful360° atau penyerahan borang penamaan:

Portal Pelanggan	Penyerahan Borang Penamaan
Anda boleh membuat penamaan dalam talian melalui portal pelanggan kami di <a href="http://www.hlmtakaful.com.my/HLMT360/Login/1.aspx">www.hlmtakaful.com.my/HLMT360/Login/1.aspx</a>	<ol style="list-style-type: none"><li>1) Sila dapatkan Borang Penamaan disini: <a href="https://www.hlmtakaful.com.my/Forms-Download/Family-Takaful/Nomination-Form-(1).aspx">https://www.hlmtakaful.com.my/Forms-Download/Family-Takaful/Nomination-Form-(1).aspx</a></li><li>2) Isikan Borang Penamaan dan adalah disarankan untuk membuat penamaan pada peringkat awal permohonan.</li><li>3) Sila hantarkan butiran penamaan yang lengkap kepada Ibu Pejabat HLMT atau melalui emel kepada <a href="mailto:ReachUs@takaful.hongleong.com.my">ReachUs@takaful.hongleong.com.my</a> untuk tindakan lanjut.</li></ol>

*Sekiranya anda memerlukan sebarang bantuan, sila hubungi cawangan HLMT terdekat atau Perkhidmatan Pelanggan di talian 03-7650 1800.*

<b>*NOTA</b>	
1. Geran Probet	<i>Dokumen rasmi yang dikeluarkan oleh mahkamah yang memberi kuasa kepada pelaksana yang dinamakan oleh orang yang meninggal dunia di dalam wasiatnya untuk mentadbir harta pusaka mengikut wasiat orang yang meninggal dunia.</i>
2. Surat Kuasa Mentadbir	<i>Dokumen rasmi yang dikeluarkan oleh mahkamah kepada seseorang untuk menguruskan harta pusaka orang yang meninggal dunia yang tidak membuat wasiat.</i>
3. Manfaat takaful	<i>Jumlah manfaat yang dipersetujui yang perlu dibayar di bawah sijil takaful sekiranya berlaku kematian orang dilindungi.</i>
4. Penama	<i>Seseorang yang dinamakan di dalam sijil takaful oleh peserta sama ada untuk menerima dan/atau mentadbir manfaat takaful setelah kematian orang dilindungi.</i>
5. Waris	<i>Individu yang dinamakan oleh anda untuk menerima manfaat takaful di bawah Hibah Bersyarat (hadiyah/derma) berdasarkan peratusan tertentu yang dinyatakan di dalam Borang Penamaan. Anda boleh menamakan lebih daripada seorang individu sebagai waris. Individu tersebut haruslah merupakan orang sebenar (bukan organisasi/persatuan) dan tidak perlu mempunyai hubungan darah dengan anda.</i>
6. Wasi	<i>Individu yang dilantik oleh anda untuk menguruskan dan mengagihkan manfaat takaful kepada orang lain mengikut undang-undang yang berkenaan.</i>